

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]  
**TARIKH** : 26.03.14 (RABU)

**TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan untuk menerbitkan nama, lokasi dan jumlah petrol dan diesel yang dijual, oleh 100 stesen-stesen petrol yang mempunyai hasil jualan paling banyak di Malaysia.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Jualan bagi setiap stesen minyak adalah berubah-ubah bagi setiap masa mengikut keperluan dan permintaan di sesuatu lokasi. Secara keseluruhannya purata jualan bagi 100 stesen minyak bagi produk petrol adalah 866,332 liter dan 954,726 liter bagi diesel untuk tahun 2013.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING**  
**KAWASAN : PENAMPANG**  
**TARIKH : 26 MAC 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING (PENAMPANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci apakah birokrasi-birokrasi yang menyebabkan kelewatan dalam meluluskan permohonan peruntukan pembinaan jalan raya-jalan raya yang baru ataupun pembaikan jalan raya-jalan raya yang rosak di setiap daerah di Malaysia, khususnya di negeri Sabah, yang diajukan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri masing-masing.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua permohonan projek jalan raya yang baru yang diterima daripada Kerajaan Negeri akan disemak oleh kementerian ini dan kemudian diperakukan kepada Agensi Pusat untuk kelulusan. Kelulusan projek ini tertakluk kepada beberapa kriteria yang ditentukan seperti keutamaan mengikut Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Malaysia (HNDP) dan senarai keutamaan Kerajaan Negeri serta bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan secara keseluruhan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kerja penyelenggaraan jalan persekutuan di negara ini dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan. Waran peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan rutin Jalan Persekutuan akan disalurkan kepada JKR Negeri masing-masing pada setiap bulan berdasarkan kepada kadar harga yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk peruntukan untuk kerja-kerja kecemasan seperti kes tanah runtuh di jalan persekutuan di mana ia menggunakan peruntukan kecemasan Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kerja penyelenggaraan jalan berkala pula tertakluk kepada senarai keutamaan yang akan ditentukan oleh JKR Negeri masing-masing.

Sekian. Terima kasih.